



Muhammad Laila Bin Abdul Rahman, anggota Ikhwan  
2205, Kampung Jaya Batu, Jalan Air Putih, Kemaman,  
Terengganu bertanya: Apakah hukumnya jika seorang beragama  
Islam menganut bermacam-macam *ideasm* politik lain daripada  
Islam (Islamisme).

Jawab: Telah banyak rencana-rencana yang ditulis oleh  
pakar-pakar dalam Qalam mengenai perkara: Bahawa tiap-tiap seorang  
Islam adalah bertanggungjawab kepada agamanya, agama Islam  
dan kepadanya dipertanggungjawabkan bahawa hendaklah mereka  
itu (umat Islam) menghukum dengan hukum-hukum Allah seperti  
yang disebut di dalam beberapa ayat yang mewajibkan, bahawa  
tiap-tiap seorang umat Islam mestilah menghukum dengan  
hukum-hukum Allah dan barangsiapa tidak menghukum dengan  
hukum-hukum Allah maka adalah ia fasik, zalim dan kafir  
begitulah Allah telah menentukan hukum-hukum terhadap orang-orang yang  
tidak menghukum dengan hukum Allah dan untuk mendirikan  
hukum-hukum Allah itu maka tiap-tiap umat Islam diwajibkan  
berjuang supaya hukum-hukum Allah itu tegak dan kerana  
itu di dalam tiap-tiap perjuangan politik umat Islam  
bekerja siang dan malam bukannya kerana pangkat, bukannya  
kerana nama, bukannya kerana kedudukan, tetapi adalah  
semata-mata mencari keredhaan Tuhan untuk menegakkan  
hukum Tuhan, dan apabila tiba saatnya, bukannya sahaja  
memperjuangkan cita-cita itu dengan cita-cita sahaja tetapi  
juga jika perlu, diperjuangkan dengan darah yang merah.  
Mereka yang mati kerana memperjuangkan kalimah Tuhan itu  
sudah tentu akan mendapat tempat yang mulia di sisi Tuhan.  
Dengan keterangan-keterangan ini dapatlah saudara membandingkan

bahawa barangsiapa yang tidak menghukum atau menjalankan  
cita-cita perjuangan untuk meninggikan kemuliaan agama  
Tuhan, maka orang itu dengan sendirinya mengikut  
hukum Tuhan fasik, zalim, dan kafir. Hal yang demikian  
ini bertambah-tambah lagi kalau orang-orang itu di dalam perjuangannya  
memusuhi Islam, dan dengan sendirinya orang itu keluar  
dari lingkungan umat Islam.

\* \* \*

Sya'rani Bin Haji Abdul Rahman, Kelang, Selangor,  
bertanya: Saya berasa musykil, apakah hukumnya melarang  
orang hendak masuk belajar sekolah agama atau sekolah  
Arab kerana lebih umur? Adakah menuntut ilmu itu khas  
kepada budak-budak sahaja? Saya perhatikan orang-orang menuntut  
ilmu di Mekah banyak yang sudah berjanggut.

Jawab: Sebenarnya disuruh menuntut ilmu itu daripada  
mula dilahirkan sehingga ke liang lahad - ertinya ilmu  
itu tidak putus-putus mesti dituntut oleh tiap-tiap orang  
sama ada ilmu agama atau pun juga ilmu dunia. Banyak riwayat-riwayat  
hadis yang menganjurkan menuntut ilmu itu yang disuruh.

Usahakan bukannya sahaja yang muda-muda.

Tetapi berkenaan dengan sekolah-sekolah maka tiap-tiap  
sekolah itu ada peraturan-peraturannya dan kerana itu maka ditetapkan bahawa  
umur-umur yang lebih tidak boleh diterima. Hanya sepanjang yang ada  
peraturan-peraturan belajar di universiti sahaja umur itu  
tidak dihadkan sedang di bahagian-bahagian lain ada hadnya tetapi  
ada juga kecualiannya. Dan kerana peraturan-peraturan itu ada,  
sudah tentulah untuk pertadbiran ada lebih molek ditentukan  
bahagian-bahagiannya, bagi kanak-kanak sahaja, dan bagi yang tua-tua,  
molek juga supaya dianjurkan supaya diadakan  
kelas-kelas khas untuk mereka itu. Cara ini ada lebih  
baik daripada kita merosakkan peraturan-peraturan orang dan  
kita percaya bahawa kalau penuntut-penuntut di sekolah itu  
dianjurkan dengan demikian sudah tentu mereka akan

menyambut keadaan itu dengan baik jika masa dan keadaan meluas dan membenarkan.

\* \* \*

Ahmad Jailani Bin Mahmud, Parit Buntar, bertanya:

“Adakah salah pada undang-undang di negeri Perak kalau seseorang mengadakan syarahan agama di masjid-masjid dengan tidak memberi tahu lebih dahulu kepada pejabat agama atau dengan tidak seizin pejabat agama?”

Jawab: Sepanjang yang kita ketahui bahawa tidak ada *Muhammadan Law* yang menegah seseorang mengadakan syarahan-agama dan bagi orang itu apabila melanggar boleh dihukum mengikut undang-undang itu.

Ada satu undang-undang *Muhammadan Law* (Undang-undang Kesalahan) Nombor 5 tahun 1939\_Bahagian 12\_(1) berkenaan dengan mengajar agama, di situ hanya disebut bahawa seseorang yang mengajar atau mengadakan pelajaran-pelajaran agama boleh dihukum menurut undang-undang itu. Tetapi di situ tidak sekali-kali disebut ada tegahan-tegahan mengenai syarahan-agama.

Kerana tiap-tiap negeri mesti patuh kepada undang-undang, maka menurut pendapat kita, tidak ada tegahan-tegahan untuk mengadakan syarahan-agama di masjid atau di lain-lain tempat dan tidak mesti bagi mereka itu meminta kebenaran kepada pejabat agama. Yang perlu baginya hanya meminta, berhubung adanya Undang-undang Darurat di Persekutuan Tanah Melayu, kebenaran daripada pihak polis sahaja jika ia hendak mengadakan syarahan-syarahan itu di luar dari kawasan-kawasan masjid atau di tempat-tempat yang terbuka. Lebih jauh adalah molek kalau tuan selidiki sendiri pejabat-pejabat yang berkenaan dan moleknnya periksa sendiri undang-undang yang mengenai dengan perkara ini.

\* \* \*

#### Dapatkanlah buku-buku ini guna menambah pengetahuan

##### Tuan/Puan:

- |                               |        |
|-------------------------------|--------|
| 1. Risalah Allah              | 40 sen |
| 2. Permulaan Agama            | 70 ”   |
| 3. Perempuan Islam            | 30 ”   |
| 4. Iman Perempuan             | 20 ”   |
| 5. Perempuan dan Pilihan Raya | 40 ”   |
| 6. Taklid                     | 60 ”   |
| 7. Qada' dan Qadr             | 25 ”   |
| 8. Berjihad pada Jalan Allah  | 70 ”   |

Alamatkanlah kepada:

QALAM  
356/8, Geylang Road,  
Singapore 14.

Muhammad Usman, House Road, Seremban, bertanya:  
seseorang kanak-kanak yang dilahirkan dari ibu bapa yang beragama Islam, tetapi kanak-kanak itu sehingga besar telah tidak mendapat ajaran dan didikan Islam, maka ia mengikut ajaran Kristian. Kepada siapakah kesalahan ini tertanggung - pada anaknya atau ibu bapanya?

Jawab: *Kullu maulūd yuladu 'ala fitrati fa abawāhu yuhawidānihi aw yunassirānihi aw yumajjisānihi. - al-hadīth.*

Maksudnya:

Tiap-tiap kanak-kanak itu dihirkan (dilahirkan) adalah mengikut fitrahnya (kejadiannya) Hanya kedua-dua ibu-bapanya itulah yang menjadikannya Nasrani atau Yahudi atau Majusi.

Dengan ini teranglah bahawa yang bertanggungjawab atas kesesatan itu ialah ibu bapanya.